

SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG KURATOR GRED S29

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN SOSIAL	
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA	
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK	
KEKOSONGAN	:	1	
JADUAL GAJI (GRED S29)	:	GAJI MINIMUM	- RM1,493.00
		GAJI MAKSIMUM	- RM5,672.00
		KADAR KENAIKAN	- RM145.00
		GAJI TAHUNAN	

1. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c)
 - (i) Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
(Gaji permulaan: RM1,493.00)
 - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(Gaji Permulaan: RM1,493.00)
 - (iii) Diploma dalam bidang seni lukis, seni reka, seni halus, seni bina, sains, per muzium, teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
(Gaji Permulaan: RM1,770.95)
- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

2. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab menguruskan keselamatan dan repositori artifak, kerja-kerja pembangunan, program kaji selidik sejarah, kebudayaan serta flora dan fauna, pameran dan diorama serta tugas-tugas lain yang berkaitan dengan aktiviti per muzium.

3. CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN).
- (b) Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian LPSVN (<https://www.artgallery.gov.my>) akan diproses.
- (c) Calon dikehendaki memuatnaik resume yang lengkap (kelayakan akademik, pengalaman kerja dan gaji semasa, gambar berukuran pasport serta salinan sijil-sijil berkaitan) semasa membuat permohonan.

4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 12 NOVEMBER 2021

5. PERMOHONAN YANG DITOLAK

Permohonan berikut akan ditolak tanpa diberi sebarang jawapan:-

- (a) tidak memohon jawatan melalui dalam talian;
- (b) tidak disertakan gambar berukuran pasport;
- (c) tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan;
- (d) tidak lengkap dan tidak jelas; dan
- (e) tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam iklan.

6. CATATAN AM

- (a) Hanya pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil menghadiri temuduga.
- (b) Permohonan yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.